



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepec.com



**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI
KECENDERUNGAN PELAJAR ASNAF MEMILIH BIDANG
PENGAJIAN DI KOLEJ VOKASIONAL PERLIS: ANALISIS
REGRESI BERGANDA**

*FACTORS INFLUENCING ASNAF STUDENTS' TENDENCY TO CHOOSE
FIELDS OF STUDY AT PERLIS VOCATIONAL COLLEGE: A MULTIPLE
REGRESSION ANALYSIS*

Rohani Seman¹, Nor Fazilah Noor Din^{2*}, Siti Aishah Saad³, Hariatul Hafidzah Mahmad Khory⁴.

¹ Jabatan Sains Teknologi Kejuruteraan dan Matematik, Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis
Email: rohaniseman@ipgm.edu.my

² Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis
Email: norfazilahnoordin@ipgm.edu.my

³ Jabatan Sains Teknologi Kejuruteraan dan Matematik, Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis
Email: sitiaishahsaad@ipgm.edu.my

⁴ Jabatan Pengajian Islam dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis
Email: hariatulhafidzah@ipgm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 24.06.2025

Revised date: 17.07.2025

Accepted date: 14.08.2025

Published date: 01.09.2025

To cite this document:

Seman, R., Din, N. F. N., Saad, S. A., & Khory, H. H. M. (2025). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kecenderungan Pelajar Asnaf Memilih Bidang Pengajian Di Kolej Vokasional Perlis: Analisis Regresi Berganda. *International Journal of*

Abstrak:

Pendidikan vokasional memainkan peranan penting dalam menyediakan pelajar dengan kemahiran praktikal yang diperlukan untuk memasuki pasaran buruh. Namun, situasi yang berlaku hari ini ialah berlakunya peningkatan kadar pengangguran berikutan ketidaksepadanan kemahiran di pasaran buruh. Fenomena ini terjadi ketika tahap dan kemahiran sumber manusia tidak sepadan dengan keperluan tenaga buruh semasa. Ketidaksepadanan kemahiran ini disebabkan jangkaan kemahiran di pihak pengamal pendidikan tidak selari dengan keperluan industri. Bertitik tolak daripada itu, kajian ini akan meneliti mengenalpasti hubungan antara faktor latar belakang, minat, kualiti pendidikan dan keperluan industri serta bantuan dan sokongan dengan kecenderungan pelajar asnaf dalam memilih bidang pengajian di Kolej Vokasional. Dalam konteks ini, pemahaman kecenderungan pelajar asnaf dalam memilih program wajar menjadi fokus utama dalam usaha mencapai kejayaan dalam pendidikan vokasional di Perlis. Seramai 124 orang pelajar asnaf telah dipilih sebagai responden kajian melalui kaedah persampelan

Education, Psychology and Counseling, 10 (59), 99-110.

DOI: 10.35631/IJEPC.1059008

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



bertujuan. Data dikumpul menggunakan borang soal selidik dan dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan analisis korelasi Pearson dan regresi linear berganda. Berdasarkan analisis korelasi, dapatan kajian menunjukkan bahawa kualiti pendidikan dan keperluan industri ($r = 0.68$) serta minat pelajar ($r = 0.62$) mempunyai hubungan yang kuat dengan kecenderungan pemilihan bidang pengajian. Bantuan dan sokongan ($r = 0.51$) menunjukkan hubungan sederhana, manakala latar belakang keluarga ($r = 0.34$) menunjukkan hubungan lemah. Ini membuktikan bahawa pemilihan bidang pengajian pelajar asnaf lebih banyak dipengaruhi oleh faktor dalaman dan kebolehpasaran bidang berbanding faktor latar belakang keluarga. Dapatan kajian menunjukkan faktor kualiti pendidikan dan keperluan industri dikenal pasti sebagai pemboleh ubah paling dominan ($\beta = 0.52$, $p < 0.001$), diikuti minat ($\beta = 0.39$) dan bantuan dan sokongan ($\beta = 0.21$). Sebaliknya, latar belakang keluarga tidak menunjukkan hubungan yang signifikan ($\beta = 0.11$, $p > 0.05$). Model regresi kajian ini menjelaskan 56% varians kecenderungan pelajar terhadap pemilihan bidang pengajian. Kajian ini mencadangkan agar pihak institusi dan pembuat dasar memberi penekanan terhadap pengukuhan minat pelajar, penyediaan bantuan kewangan serta sokongan sosial dan akademik untuk menyokong keputusan pengajian pelajar asnaf secara lebih menyeluruh.

Kata Kunci:

Asnaf, Minat, Pendidikan, Sokongan dan Bantuan

Abstract:

Vocational education plays a crucial role in equipping students with the practical skills necessary to enter the labour market. However, a growing concern today is the rising unemployment rate due to skill mismatches in the workforce. This phenomenon occurs when the level and type of human resource skills do not align with the current demands of the labour market. Such skill mismatches arise when the expectations of education providers are not in line with industry needs. Arising from this issue, the present study aims to examine the relationship between background factors, interest, quality of education and industry needs, as well as assistance and support, with the tendency of asnaf students in selecting fields of study at Vocational Colleges. In this context, understanding the tendency of asnaf students in choosing their programmes should be a key focus in efforts to achieve success in vocational education in Perlis. A total of 124 asnaf students were selected as respondents through purposive sampling. Data were collected using a structured questionnaire and analysed descriptively and inferentially through Pearson correlation and multiple linear regression analyses. Based on the correlation analysis, the findings revealed that the quality of education and industry needs ($r = 0.68$) as well as students' interest ($r = 0.62$) demonstrated strong relationships with the tendency to choose a field of study. Assistance and support ($r = 0.51$) showed a moderate relationship, while family background ($r = 0.34$) exhibited a weak relationship. These findings indicate that asnaf students' choices of fields of study are more strongly influenced by internal factors and the marketability of the field rather than by family background. Furthermore, the study identified quality of education and industry needs as the most dominant predictors ($\beta = 0.52$, $p < 0.001$), followed by students' interest ($\beta = 0.39$) and assistance and support ($\beta = 0.21$). In contrast, family background did not show a significant relationship ($\beta = 0.11$, $p > 0.05$). The regression model explained 56% of the variance in students' tendencies towards their choice of field. This study suggests that institutions and policymakers should prioritise the strengthening of students' interest, the provision of financial

assistance, and the enhancement of both social and academic support to more comprehensively facilitate asnaf students' educational decisions.

Keywords:

Asnaf, Interest, Education, Support and Assistance

Pengenalan

Pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional atau dikenali sebagai *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) memainkan peranan penting dalam usaha negara membangunkan modal insan yang berkemahiran tinggi serta berdaya saing pada peringkat global. Kolej Vokasional sebagai salah satu institusi TVET di Malaysia menyediakan laluan alternatif kepada pelajar menengah yang cenderung kepada bidang kemahiran dan praktikal. Pelaksanaan Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) sejak 2013 telah mengubah landskap pendidikan vokasional dengan memperkenalkan program-program diploma yang sejajar dengan kehendak industri semasa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Pelajar bukan sahaja didedahkan dengan pembelajaran berasaskan teori dan praktikal, malah turut menjalani latihan industri yang menjadikan mereka lebih bersedia menghadapi dunia pekerjaan. Pendidikan TVET di Malaysia bertujuan untuk menghasilkan pekerja yang dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran teknikal seperti yang dikehendaki oleh industri dan boleh bersaing di peringkat global. Langkah ini diambil bagi menyokong agenda transformasi ekonomi negara dalam menghasilkan tenaga kerja mahir yang kompeten. Setiap individu warganegara Malaysia, tanpa mengira taraf ekonomi, etnik atau latar belakang berhak mendapat akses yang sama kepada pendidikan berkualiti bagi membolehkan mereka mencapai prestasi masing-masing.

Pendidikan vokasional kini menjadi antara pilihan utama dalam kalangan pelajar yang ingin memperoleh kemahiran teknikal dan peluang pekerjaan yang lebih baik. Bidang ini terbukti mampu memberikan ruang kepada pelajar daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi, termasuk golongan asnaf, untuk meningkatkan taraf hidup melalui pendidikan berteraskan kemahiran (Abdul Aziz et al., 2019). Pemilihan bidang pengajian dalam kalangan pelajar tidak hanya dipengaruhi oleh keperluan pasaran kerja, malah turut dipengaruhi oleh minat, kecenderungan personaliti serta faktor luaran seperti keluarga dan rakan sebaya (Taha et al., 2022). Kajian oleh Wong dan Atan (2021) pula menunjukkan bahawa faktor sokongan ibu bapa dan pengaruh guru mempunyai impak yang signifikan terhadap keputusan pelajar memilih bidang pengajian di institusi TVET.

Kajian oleh Norbaizura et al. (2012) mendapati bahawa pemilihan kursus oleh pelajar di institusi pengajian tinggi awam dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti pengaruh keluarga, pendedahan awal, pengetahuan asas terhadap kursus dan kekangan pilihan, yang memberi gambaran jelas tentang pola pemilihan program pengajian dalam kalangan pelajar. Berdasarkan kajian oleh Nooraini Hassan (2020), pelajar jurusan teknikal dan vokasional terdorong untuk menceburi bidang tertentu, kerana dipengaruhi oleh minat, pendedahan awal terhadap kemahiran, serta peluang menjana pendapatan yang stabil dalam jangka masa panjang. Selain itu, faktor budaya dan persepsi masyarakat terhadap pendidikan vokasional turut mempengaruhi keputusan pelajar. Misalnya, norma sosial yang meletakkan bidang vokasional sebagai laluan kedua atau kurang berprestij masih menjadi cabaran yang perlu

ditangani (Nawi et al., 2023). Hal ini lebih ketara dalam kalangan pelajar asnaf yang mungkin terdedah kepada tekanan sosio-budaya serta kekangan ekonomi keluarga.

Kajian oleh Asnul Dahar Minghat et al. (2020) mendapati bahawa faktor jangkaan pendapatan merupakan pemangkin utama dalam mempengaruhi kesediaan pelajar aliran vokasional untuk memilih bidang kerjaya yang berkaitan dengan pengajian mereka, diikuti oleh minat, peluang pekerjaan dan pengaruh sosial. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar, termasuk daripada golongan asnaf, cenderung membuat pilihan bidang pengajian berdasarkan harapan terhadap kestabilan ekonomi dan kebolehpasaran kerjaya. Justeru, memahami keutamaan ini adalah penting dalam merangka dasar pendidikan vokasional yang lebih inklusif dan menyasarkan kumpulan pelajar berkeperluan.

Oleh itu, penyelidikan ini bertujuan meneroka generasi kedua asnaf iaitu pelajar KV yang dilihat berpotensi untuk mengubah nasib kelompok tersebut sekiranya diberi peluang pendidikan, persekitaran pembelajaran kondusif sesuai dengan kemahiran yang relevan. Golongan asnaf, merujuk kepada mereka yang tergolong dalam kategori fakir, miskin, dan penerima zakat, sering berdepan dengan pelbagai cabaran sosioekonomi yang boleh menjejaskan akses kepada pendidikan berkualiti. Namun begitu, pendidikan dianggap sebagai mekanisme penting untuk memutuskan rantai kemiskinan dan meningkatkan mobiliti sosial dalam kalangan golongan ini (Siti Martiah & Azman, 2014).

Atas faktor itu, pemilihan bidang pengajian yang sesuai, relevan dengan potensi diri serta berasaskan keperluan pasaran kerja amat penting bagi pelajar asnaf, terutamanya yang mengikuti pengajian di Kolej Vokasional. Pemilihan bidang pengajian dalam kalangan pelajar lazimnya dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti minat, latar belakang pendidikan, galakan keluarga, serta maklumat tentang prospek kerjaya (Isma Addi & Mohamad Zahir, 2011). Namun, dalam konteks pelajar asnaf, faktor-faktor seperti bantuan kewangan, sokongan moral dan akademik daripada komuniti sekolah dan institusi zakat juga memberi kesan yang signifikan terhadap kecenderungan mereka. Oleh itu, pemahaman terhadap faktor kecenderungan pelajar asnaf dalam memilih bidang pengajian adalah penting untuk memastikan sokongan dan intervensi yang diberikan oleh pihak berkaitan benar-benar efektif. Kajian ini dijalankan bagi menilai kekuatan hubungan antara minat, latar belakang keluarga, kualiti pendidikan dan keperluan industri, serta bantuan dan sokongan dengan keputusan pelajar dalam memilih bidang pengajian. Dapatan daripada kajian ini diharap dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan dasar pendidikan dan program intervensi yang lebih berfokus kepada keperluan pelajar asnaf dalam konteks pendidikan vokasional.

Penyataan Masalah

Dalam landskap ekonomi moden yang semakin mencabar, isu ketidaksepadanan kemahiran antara pendidikan dan kehendak industri menjadi satu paradoks yang membimbangkan. Graduan vokasional seharusnya menjadi tonggak tenaga kerja berkemahiran tinggi, namun masih ramai yang tersisih daripada pasaran buruh. Menurut Mohd Zuhdi et al. (2017), ketidaksepadanan ini berlaku apabila kemahiran yang ditawarkan oleh institusi pendidikan tidak memenuhi kehendak sebenar industri, menyebabkan kadar pengangguran terus meningkat walaupun pelbagai program latihan dilaksanakan. Kajian CEDEFOP (2014) turut menyokong dapatan ini dan menegaskan bahawa kelemahan penyelarasan antara kurikulum dan realiti pekerjaan merupakan punca utama ketidakpadanan ini. Tambahan pula, ketidaksepadanan antara kemahiran yang diajar dengan keperluan industri (*skill mismatch*) kini menjadi isu yang semakin kritikal dalam sistem pendidikan TVET di Malaysia. Kajian ini juga

menekankan bahawa kurikulum yang tidak selari dengan permintaan pasaran kerja akan mengurangkan kebolehpasaran graduan, terutamanya bagi pelajar daripada golongan berpendapatan rendah yang bergantung kepada kemahiran untuk mendapatkan pekerjaan.

Walaupun pendidikan vokasional semakin diiktiraf, pelajar asnaf masih berdepan dengan pelbagai halangan dalam membuat pilihan bidang pengajian yang sesuai. Kajian oleh Hong et al. (2024) menunjukkan bahawa latar belakang keluarga seperti tahap pendidikan dan pekerjaan ibu bapa memainkan peranan penting dalam menentukan kecenderungan pelajar untuk menyertai bidang vokasional.

Namun, dalam konteks pelajar asnaf, pemilihan bidang pengajian mungkin bukan berasaskan minat semata-mata, sebaliknya lebih dipengaruhi oleh faktor ekonomi, jaminan pekerjaan serta persepsi terhadap masa depan kerjaya. Tambahan pula, wujudnya jurang antara kemahiran yang ditawarkan oleh institusi TVET dengan kehendak sebenar industri telah menimbulkan persoalan tentang keberkesanan pendidikan vokasional dalam membekalkan graduan yang kompeten (Nawi et al., 2023).

Di samping itu, stigma masyarakat yang menganggap TVET sebagai laluan untuk pelajar 'lemah akademik' juga memberi kesan terhadap motivasi dan keyakinan diri pelajar (Reddit, 2024). Persepsi negatif ini boleh menjejaskan kecenderungan sebenar pelajar asnaf yang ingin meneruskan pengajian dalam bidang kemahiran. Justeru, kajian ini penting untuk mengenal pasti faktor-faktor dominan yang mempengaruhi kecenderungan pelajar asnaf dalam memilih bidang pengajian, sekali gus membantu pihak berkaitan merangka intervensi yang lebih holistik dan bersesuaian dengan keperluan mereka.

Kajian ini dilaksanakan dengan harapan untuk memastikan bahawa kumpulan asnaf tidak terpinggir daripada peluang kerjaya yang sejajar dengan keperluan industri. Dengan memahami ketidaksepadanan kemahiran ini, diharapkan dapatan kajian ini dapat memberikan sumbangan penting dalam membina peluang kerjaya yang lebih baik bagi pelajar asnaf. Kesimpulannya, hasil kajian ini diharapkan dapat membantu merangka inisiatif dan strategi yang dapat meningkatkan pemahaman dan kesesuaian kemahiran pelajar asnaf dengan keperluan pasaran buruh. Sokongan dan kerjasama daripada organisasi tertentu juga diharapkan dapat memberikan dorongan yang diperlukan untuk memastikan integrasi yang lebih baik dan peluang kerjaya yang lebih sesuai bagi golongan asnaf dalam pasaran buruh.

Objektif

- Mengenal pasti hubungan antara faktor latar belakang keluarga, minat, kualiti pendidikan dan keperluan industri serta bantuan dan sokongan dengan kecenderungan pelajar asnaf dalam memilih bidang pengajian di Kolej Vokasional.
- Mengenal pasti faktor dominan antara latar belakang keluarga, minat, kualiti pendidikan dan keperluan industri serta bantuan dan sokongan yang paling mempengaruhi kecenderungan pelajar asnaf dalam memilih bidang pengajian di Kolej Vokasional.

Kajian Literatur

Pelbagai kajian telah dijalankan bagi meneliti kecenderungan dan potensi golongan asnaf dalam bidang keusahawanan, sama ada dari sudut sikap, niat, mahupun faktor persekitaran yang menyumbang kepada kejayaan mereka sebagai usahawan. Kajian oleh Zaini et al. (2021)

menunjukkan bahawa pelajar asnaf di Institusi Pengajian Tinggi tempatan bersikap responsif terhadap empat dimensi sikap keusahawanan, iaitu sikap peribadi, norma subjektif, kawalan tingkah laku dan niat keusahawanan. Kajian ini menekankan aspek psikologi sebagai pendorong niat keusahawanan, namun kekangan utama ialah ketiadaan bukti terhadap tingkah laku sebenar atau pencapaian keusahawanan pelajar tersebut. Dalam konteks kejayaan sebenar dalam bidang keusahawanan, kajian oleh Zulhafizi dan Zurinah (2021) pula memperlihatkan tujuh faktor utama yang mendorong kejayaan usahawan muda dalam perniagaan PKS di Malaysia. Kajian ini lebih bersifat praktikal kerana ia merangkumi faktor dalaman dan luaran seperti kerjasama institusi kerajaan dan swasta, namun kajian tidak memfokuskan khusus kepada golongan asnaf, menjadikannya kurang relevan secara langsung dengan isu kemiskinan dan mobiliti sosial dalam kalangan kumpulan tersebut.

Sementara itu, kajian oleh Muhammad Syafiq, Sheerad dan Norasmah (2021) memberi fokus terhadap hubungan antara budaya keusahawanan, kepimpinan keusahawanan dan minda keusahawanan dalam kalangan anak-anak asnaf di Selangor. Dapatan kajian ini sangat signifikan kerana berjaya membuktikan wujudnya korelasi positif antara budaya dan kepimpinan keusahawanan dengan pembangunan minda keusahawanan. Kajian ini berupaya menyumbang kepada pemahaman lebih mendalam tentang pembangunan potensi keusahawanan dari usia muda, walaupun ia masih terhad kepada satu negeri sahaja dan bersifat korelasi, bukan eksperimental. Dalam kajian yang lebih fokus kepada faktor demografi, Bahtiar et al. (2022) pula mendapati bahawa pelajar asnaf di Universiti Utara Malaysia menunjukkan tahap niat keusahawanan yang tinggi, khususnya dalam kalangan pelajar lelaki. Kajian ini mengukuhkan hujah bahawa faktor latar belakang memainkan peranan penting dalam menentukan niat keusahawanan, namun kajian ini masih belum menyentuh tentang kesan intervensi pendidikan atau latihan keusahawanan terhadap hasil sebenar selepas tamat pengajian.

Secara keseluruhannya, sorotan kajian terdahulu jelas menunjukkan bahawa golongan pelajar asnaf mempunyai potensi tinggi dalam membina kerjaya melalui pelbagai laluan pendidikan, khususnya dalam bidang keusahawanan. Namun begitu, kecenderungan pelajar asnaf terhadap pengajian bukan keusahawanan (lain-lain bidang) wajar diteroka, kerana laluan-laluan ini turut menawarkan peluang kerjaya yang stabil dan berpotensi mengubah status sosioekonomi mereka. Faktor seperti pengalaman, latar belakang keluarga, sokongan dan bantuan, kualiti pendidikan memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pilihan bidang pengajian. Oleh itu, kajian ini menjadi signifikan dalam memahami kecenderungan sebenar pelajar asnaf Kolej Vokasional Perlis terhadap pelbagai bidang pengajian yang ditawarkan, agar intervensi dan bimbingan kerjaya dapat disesuaikan dengan minat dan potensi sebenar mereka. Pendekatan yang holistik ini diharapkan dapat membantu merancang laluan pendidikan yang lebih inklusif, berfokus serta memberi peluang sebenar kepada golongan asnaf untuk membina masa depan yang lebih cerah melalui pelbagai bidang pengajian yang relevan dengan keperluan semasa dan pasaran kerja.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan, di mana soal selidik berskala Likert lima mata digunakan sebagai instrumen utama pengumpulan data. Menurut Creswell (2014), pendekatan kuantitatif merupakan kajian yang memerlukan penyelidikan mengenal pasti elemen yang hendak dikaji, persoalan yang spesifik, mengecilkan skop soalan, mengumpul data daripada responden yang boleh dikuantitatifkan, membuat penganalisan dalam bentuk statistik dan seterusnya menjalankan inkuiri secara objektif dan bebas. Dalam

kajian ini, pelajar asnaf ditakrifkan sebagai pelajar yang tergolong dalam golongan B40 dan menerima bantuan zakat (zakat asnaf) daripada institusi zakat negeri. Strategi persampelan yang digunakan ialah persampelan rawak bertujuan, yang mengambil kira kepelbagaian latar belakang pelajar asnaf seperti jantina, program dan umur. Seramai 124 orang pelajar asnaf daripada Kolej Vokasional Perlis terlibat sebagai responden kajian ini. Dari segi penilaian data, analisis statistik dijalankan termasuk analisis korelasi Pearson dan regresi berganda bagi mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah dan mengenal pasti faktor dominan yang mempengaruhi kecenderungan pemilihan bidang pengajian.

Kerangka Teori: Teori Sosial Kognitif Kerjaya (SCCT)

Kajian ini berlandaskan Teori Sosial Kognitif Kerjaya (Social Cognitive Career Theory – SCCT) yang diperkenalkan oleh Lent, Brown dan Hackett (1994). Teori ini dibina berasaskan teori pembelajaran sosial Bandura dan menekankan tiga pemboleh ubah utama yang saling berkait dalam pembentukan kecenderungan kerjaya seseorang, iaitu: efikasi sendiri (self-efficacy), jangkaan hasil (*outcome expectations*) dan matlamat kerjaya (*career goals*). Menurut SCCT, kecenderungan seseorang individu untuk memilih sesuatu bidang kerjaya sangat dipengaruhi oleh keyakinan terhadap kebolehan diri, jangkaan terhadap hasil atau ganjaran daripada pilihan tersebut, dan matlamat jangka panjang yang ingin dicapai. Dalam konteks pelajar asnaf, efikasi sendiri boleh terbentuk melalui pengalaman pembelajaran dan sokongan sosial seperti bantuan kewangan, galakan keluarga dan bimbingan akademik, manakala jangkaan hasil pula berkait rapat dengan persepsi terhadap kebolehpasaran sesuatu bidang pengajian. Teori ini juga mengambil kira peranan faktor persekitaran seperti halangan dan sokongan, yang sejajar dengan pemboleh ubah dalam kajian ini seperti latar belakang keluarga, bantuan dan kualiti pendidikan. Oleh itu, SCCT menawarkan kerangka konseptual yang menyeluruh untuk memahami bagaimana pelajar asnaf membuat keputusan dalam memilih bidang pengajian di Kolej Vokasional berdasarkan interaksi antara faktor dalaman dan luaran.

Dapatan Kajian

Analisis Korelasi Pearson yang dijalankan dalam kajian ini menunjukkan wujudnya hubungan yang berbeza tahap kekuatannya antara pemboleh ubah bebas dengan kecenderungan pelajar asnaf dalam memilih bidang pengajian di Kolej Vokasional. Jadual 1 di bawah memaparkan analisis korelasi Pearson bagi mengenal pasti hubungan antara faktor latar belakang keluarga, minat, kualiti pendidikan dan keperluan industri serta bantuan dan sokongan dengan kecenderungan pelajar asnaf dalam memilih bidang pengajian di Kolej Vokasional.

Jadual 1: Analisis Korelasi Pearson

Pemboleh Ubah Bebas	Korelasi (r)	Tahap Hubungan
Kualiti pendidikan dan keperluan industri	0.68	Kuat
Minat	0.62	Kuat
Bantuan dan sokongan	0.51	Sederhana
Latar belakang keluarga	0.34	Lemah

Dapatan menunjukkan bahawa pemboleh ubah kualiti pendidikan dan keperluan industri mencatatkan nilai korelasi tertinggi iaitu $r = 0.68$ yang berada pada tahap hubungan kuat. Ini menandakan bahawa semakin tinggi kualiti pendidikan dan keperluan industri semakin tinggi

kecenderungan mereka untuk memilih bidang pengajian tersebut. Ini menggambarkan bahawa persepsi pelajar terhadap kualiti program pengajian serta kaitannya dengan keperluan pasaran kerja mempengaruhi pemilihan mereka. Seterusnya, minat turut menunjukkan hubungan yang kuat dengan nilai $r = 0.62$. Ini membuktikan bahawa semakin tinggi minat pelajar terhadap sesuatu bidang, semakin tinggi kecenderungan mereka untuk memilih bidang pengajian tersebut. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Adam, Abdul Razak dan Abu Bakar (2011) yang menegaskan bahawa minat memainkan peranan penting dalam membuat keputusan kerjaya, terutamanya dalam kalangan pelajar aliran vokasional. Kajian Rosziati (2024) turut menyatakan bahawa minat merupakan faktor dominan dalam pemilihan program TVET.

Sementara itu, pemboleh ubah bantuan dan sokongan menunjukkan tahap hubungan sederhana dengan nilai korelasi $r = 0.51$. Ini menunjukkan bahawa sokongan sosial seperti sokongan ibu bapa, guru, rakan sebaya serta bantuan kewangan berperanan penting dalam membantu pelajar membuat keputusan pendidikan. Kajian oleh Warman, Sharifah Saadiah, dan Rashidah (2010) juga menekankan peranan sokongan sosial dalam pemilihan kerjaya pelajar. Ini membuktikan bahawa bantuan kewangan, galakan sosial dan bimbingan akademik tetap memainkan peranan dalam proses membuat keputusan, meskipun tidak sekuat faktor minat dan kualiti pendidikan. Sebaliknya, pemboleh ubah latar belakang keluarga mencatatkan nilai korelasi paling rendah iaitu $r = 0.34$, yang hanya berada pada tahap hubungan lemah. Ini memberi gambaran bahawa faktor seperti tahap pendidikan ibu bapa atau latar sosioekonomi keluarga tidak memberikan pengaruh yang besar terhadap kecenderungan pelajar asnaf memilih bidang pengajian. Secara keseluruhan, keputusan ini mengukuhkan dapatan bahawa faktor dalaman seperti minat serta faktor luaran yang berkaitan dengan peluang kerjaya lebih signifikan dalam mempengaruhi pilihan pendidikan pelajar asnaf berbanding faktor latar belakang keluarga mereka.

Jadual 3: Analisis Regresi Linear Berganda

Pemboleh Ubah Bebas	Koefisien (β)	Nilai p	Keputusan
Kualiti pendidikan dan keperluan industri	0.52	0.000	Signifikan
Bantuan dan sokongan	0.21	0.045	Signifikan
Minat	0.39	0.001	Signifikan
Latar belakang keluarga	0.11	0.082	Tidak signifikan

Model regresi: Kecenderungan = $\beta_0 + \beta_1(\text{Minat}) + \beta_2(\text{Pendidikan}) + \beta_3(\text{Sokongan}) + \beta_4(\text{Latar belakang}) + \epsilon$

Nilai $R^2 = 0.56$ menunjukkan bahawa model ini menerangkan 56% varians dalam kecenderungan pelajar memilih bidang pengajian.

Berikut dijelaskan interpretasi koefisien, melalui dapatan, kualiti pendidikan dan keperluan industri merupakan faktor dominan yang mempengaruhi kecenderungan pelajar asnaf dalam memilih bidang pengajian di Kolej Vokasional. Ini disokong oleh kajian terdahulu yang menunjukkan kualiti pendidikan dan keperluan industri sebagai pendorong utama dalam

pemilihan kerjaya. Selain itu, minat pelajar dan bantuan dan sokongan terutamanya dari segi kewangan dan sokongan keluarga juga memainkan peranan penting. Manakala latar belakang keluarga memberikan sumbangan yang tidak signifikan.

Berikut adalah perbincangan yang diperluas berdasarkan dapatan analisis regresi mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar asnaf dalam memilih bidang pengajian di Kolej Vokasional:

Kualiti Pendidikan Dan Keperluan Industri ($\beta = 0.52, p < 0.01$)

Faktor kualiti pendidikan dan keperluan industri merupakan pemboleh ubah paling dominan mempengaruhi kecenderungan pelajar memilih bidang pengajian. Ini menunjukkan bahawa setiap peningkatan satu unit dalam kualiti pendidikan dan keperluan industri, kecenderungan pelajar meningkat sebanyak 0.52 unit, dengan tahap signifikansi yang sangat tinggi ($p = 0.000$). Faktor ini turut memberi sumbangan yang signifikan walaupun pada tahap yang lebih sederhana ($\beta = 0.21, p = 0.045$). Ini menandakan bahawa pengalaman dan pendedahan pendidikan yang diterima pelajar turut memainkan peranan dalam membentuk pilihan mereka terhadap bidang pengajian.

Minat ($\beta = 0.39, p = 0.001$)

Faktor minat juga signifikan dan memberi pengaruh besar terhadap kecenderungan pelajar memilih bidang pengajian. Dapatan ini menyokong penemuan daripada kajian oleh Mohd. Majid Konting (2005) yang menegaskan bahawa minat pelajar merupakan pamacu utama dalam pemilihan bidang pendidikan dan kerjaya. Faktor minat menunjukkan pengaruh yang signifikan terhadap kecenderungan pelajar ($\beta = 0.39, p = 0.001$), sekali gus menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai minat yang tinggi terhadap sesuatu bidang lebih cenderung untuk memilih pengajian dalam bidang tersebut. Minat yang mendalam terhadap sesuatu bidang mendorong pelajar untuk lebih bersemangat dan komited dalam pengajian mereka. Dapatan ini sejajar dengan kajian oleh Noraida Mohd Saim et al. (2021), yang mendapati bahawa minat pelajar merupakan faktor utama dalam pemilihan program pengajian Diploma Kejuruteraan Awam, dengan skor min tertinggi dalam kalangan faktor yang dikaji. Dapatan ini juga bertepatan dengan kajian oleh Noor Athirah dan Suppiah (2021) menunjukkan bahawa minat merupakan faktor utama yang mempengaruhi pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Kelantan, diikuti dengan usaha pelajar mendapatkan maklumat dan sokongan bimbingan daripada pihak sekolah melalui program serta kaunseling kerjaya.

Bantuan dan Sokongan ($\beta = 0.21, p = 0.045$)

Faktor bantuan dan sokongan juga menunjukkan hubungan yang signifikan tetapi dengan kekuatan yang sederhana. Bantuan kewangan dan dorongan keluarga serta komuniti dilihat menyokong motivasi pelajar. Ini sejajar dengan dapatan kajian Warman et al. (2010) dan Abdul Aziz (2010) yang menegaskan bahawa persekitaran sokongan memainkan peranan penting dalam pemilihan laluan pendidikan. Faktor ini turut memberi sumbangan yang signifikan walaupun pada tahap yang lebih sederhana ($\beta = 0.21, p = 0.045$). Ini merujuk kepada peranan bantuan kewangan, motivasi keluarga, serta dorongan dari pihak sekolah dan komuniti yang mampu menyokong pelajar dalam membuat keputusan yang lebih yakin dan terarah. Kajian oleh Halijah (2014) mendapati bahawa bantuan dan sokongan daripada keluarga dan pihak sekolah mempengaruhi pemilihan pelajar untuk mengikuti mata pelajaran vokasional di sekolah-sekolah akademik di Daerah Alor Gajah, Melaka. Bagi pelajar asnaf, bantuan kewangan seperti zakat dan biasiswa sangat penting dalam memastikan mereka dapat

melanjutkan pengajian tanpa beban kewangan yang berat. Sokongan moral daripada keluarga juga memberikan motivasi kepada pelajar untuk terus berusaha mencapai kejayaan dalam bidang yang dipilih.

Latar Belakang Keluarga ($\beta = 0.11$, $p = 0.082$)

Walaupun faktor latar belakang menunjukkan hubungan positif, faktor ini tidak signifikan secara statistik pada tahap $p < 0.05$. Hal ini bermaksud aspek seperti tahap pendidikan ibu dan bapa, pekerjaan ibu dan bapa, pendapatan isi rumah dan status ekonomi keluarga tidak menunjukkan hubungan dengan faktor pemilihan bidang oleh pelajar. Dapatan ini turut disokong oleh Isma Addi dan Mohamad Zahir (2011) yang menyatakan bahawa pengaruh latar belakang keluarga terhadap pemilihan kerjaya adalah tidak konsisten.

Secara keseluruhan, model regresi yang dibina mempunyai keupayaan penjelasan yang baik terhadap fenomena yang dikaji. Nilai pekali penentu (R^2) sebanyak 0.56 menunjukkan bahawa sebanyak 56% daripada varians kecenderungan pelajar dapat dijelaskan oleh keempat-empat faktor yang diuji, manakala selebihnya mungkin dipengaruhi oleh faktor lain yang tidak dikaji dalam penyelidikan ini. Keputusan ini memberi gambaran jelas bahawa minat, sokongan dan pendidikan merupakan pemacu utama dalam pemilihan bidang pengajian, dan wajar diberi perhatian oleh pihak sekolah, pembuat dasar dan institusi berkaitan TVET. Dapatan ini memperkukuh pandangan bahawa pelajar asnaf bukan hanya bergantung kepada keadaan sosioekonomi semasa, sebaliknya mereka mempunyai kesedaran dan keupayaan membuat keputusan berdasarkan minat serta persepsi terhadap peluang masa hadapan.

Kesimpulan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar asnaf dalam memilih bidang pengajian di Kolej Vokasional. Melalui kajian ini, tumpuan diberikan kepada lima pemboleh ubah utama iaitu latar belakang keluarga, minat, kualiti pendidikan dan keperluan industri, serta bantuan dan sokongan, dengan pemboleh ubah pemilihan bidang pengajian. Berdasarkan analisis korelasi dan regresi berganda, dapatan menunjukkan bahawa faktor kualiti pendidikan dan keperluan industri merupakan pemboleh ubah yang paling dominan dalam mempengaruhi kecenderungan pemilihan bidang pengajian, diikuti oleh minat pelajar, dan seterusnya bantuan dan sokongan. Sebaliknya, latar belakang keluarga didapati tidak memberi pengaruh yang signifikan terhadap keputusan pemilihan bidang.

Dapatan ini memperkukuh pandangan bahawa pelajar asnaf bukan hanya bergantung kepada keadaan sosioekonomi semasa, sebaliknya mereka mempunyai kesedaran dan keupayaan membuat keputusan berdasarkan minat serta persepsi terhadap peluang masa hadapan. Ini sejajar dengan prinsip dalam Teori Sosial Kognitif Kerjaya (SCCT), yang menekankan peranan efikasi sendiri, jangkaan hasil, dan pengaruh sokongan persekitaran dalam membentuk hasrat pilihan kerjaya seseorang individu. Faktor seperti bantuan kewangan, sokongan moral daripada keluarga dan guru, serta pendedahan terhadap realiti industri ternyata memberi dorongan penting kepada pelajar dalam membina keyakinan dan hala tuju pengajian mereka.

Model regresi dalam kajian ini berjaya menjelaskan sebanyak 56% daripada varians kecenderungan pelajar dalam memilih bidang pengajian, menunjukkan bahawa ketiga-tiga faktor dominan (minat, kualiti pendidikan dan keperluan industri, serta bantuan dan sokongan) perlu diberi tumpuan khusus dalam merangka dasar dan program intervensi pendidikan.

Walaupun latar belakang keluarga tidak signifikan secara statistik, namun faktor ini turut mempengaruhi pelajar secara tidak langsung, terutamanya dalam membentuk sokongan emosi dan akses kepada maklumat kerjaya.

Secara keseluruhannya, kajian ini menekankan pentingnya pendekatan holistik dan inklusif dalam membimbing pelajar asnaf memilih bidang pengajian yang bersesuaian dengan potensi dan keperluan pasaran kerja. Pihak institusi pendidikan dan pembuat dasar disarankan untuk memperkukuh program pembangunan minat pelajar, meningkatkan kualiti pendidikan yang ditawarkan, dan menyediakan sokongan yang berstruktur dari segi kewangan, emosi dan akademik. Langkah ini penting bukan sahaja untuk memastikan kejayaan pendidikan pelajar asnaf, malah sebagai usaha strategik dalam memutuskan rantaian kemiskinan dan memacu mobiliti sosial dalam kalangan golongan yang memerlukan.

Penghargaan

Penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Faizuddin Centre of Educational Excellence (FCoEE) yang telah menganugerahkan Geran Jangka Pendek bagi menjayakan projek penyelidikan ini.

Rujukan

- Abdul Aziz, A., Ismail, Z., & Hashim, R. (2019). *Factors influencing students' choice to enroll in technical and vocational education and training (TVET) programmes in Malaysia*. Journal of Technical Education and Training, 11(2), 25–32.
- Abdul Aziz, A. (2010). *Pengaruh faktor demografi terhadap pemilihan kerjaya pelajar*. Jurnal Kajian Pendidikan, 22(4), 33–40.
- Adam, A., Abdul Razak, A., & Abu Bakar, H. (2011). *Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar*. Jurnal Pendidikan Malaysia, 36(2), 45–52.
- Asnul Dahar, M., Kandar, S., & Hartini, M. R. (2020). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kesiediaan Pelajar-pelajar Aliran Vokasional untuk Memilih Kerjaya dalam Bidang yang Dipelajari*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Bahtiar Jamili, Z., Mohammad Nizam, S., Rosnalini, M., Abdul Manaf, B., & Mohd Adli, M. (2022). *Faktor Demografi yang Mempengaruhi Niat Keusahawanan di Kalangan Pelajar Asnaf di IPT*. Journal of Information System and Technology Management, 7(29), 58–69.
- CEDEFOP. (2014). *Skill mismatch: More than meets the eye*. European Centre for the Development of Vocational Training.
- Creswell, J.W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Edisi ke-4. London: Sage Publications Ltd.
- Halijah, Y. (2014). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Pelajar Mengikuti Mata Pelajaran Vokasional (MPV) Di Sekolah-sekolah Akademik di Daerah Alor Gajah, Melaka*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Hong, C. T., Rahmat, N. H., & Wahab, N. A. (2024). *Parental background and student interest as predictors for TVET program enrollment*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, 9(1), 40–51.
- Isma Addi, J. & Mohamad Zahir, Z. (2011). *Hubungan antara latar belakang pendidikan dan pemilihan kerjaya pelajar*. Jurnal Psikologi Pendidikan, 27(1), 60–70.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional 2013-2020*.

- Mohd Zuhdi, I., Mohd Nizam, A.R., & Ruhizan, M. Y. (2017). Ketidaktepadan Kemahiran dan Kolaborasi Industri – Institusi PLTV di Malaysia: Satu Cadangan Penyelesaian. *Skills Malaysia Journal*. Vol.3, No.1.17 – 22.
- Muhammad Syafiq., Sheerad, S., & Norasmah, O. (2021). Tahap budaya keusahawanan dan kepimpinan keusahawanan serta hubungannya dengan minda keusahawanan anak-anak golongan asnaf. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(3), 104-119.
- Nawi, A. M., Zainuddin, N., & Ramli, R. (2023). *A systematic review on socio-cultural factors affecting TVET enrollment among Malaysian students*. *Journal of Educational Research and Practice*, 13(3), 89–101.
- Noraida, M. S., Nurul Farraheeda, A. R., Siti Hawa, R., & Haslin Idayu, A. (2021). Faktor-faktor yang mendorong pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memilih program pengajian diploma kejuruteraan awam. *GADING (Online) Journal for Social Sciences*, Special Issue KONAKA (Bahasa Melayu) - Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang Vol 24(03), 81-91
- Nooraini, H. (2020). Faktor yang mendorong pelajar jurusan teknikal dan vokasional terlibat dalam bidang keusahawanan. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 7(2), 1-18.
- Noor Athirah, S., & Suppiah, N. (2021). Kecenderungan Pemilihan Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Bandar dan Luar Bandar di Kelantan. *Jurnal Ilmi*, 11, 56-63.
- Norbaizura, A. B., Mohd Hafiz, S., Nasruddin, F., Mohmad, M. D., & Suhaila, A. (2012). Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kursus profesional di universiti awam di Malaysia: Tinjauan awal. Dalam *1st International Conference on Innovation and Technology for Sustainable Built Environment 2012 (ICITSBE 2012)*, 16-17 April 2012, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak.
- Reddit. (2024). *Why does TVET still carry a stigma in Malaysian society?* Retrieved from https://www.reddit.com/r/malaysia/comments/tvet_stigma/
- Rosziati, I. (2024). *Keberkesanan program asas TVET di politeknik*. UTHM News. <https://news.uthm.edu.my/ms/2024/12/keberkesanan-program-asas-tvet-di-politeknik/>
- Siti Martiah, A. & Azman, A.R. (2014). Dana zakat dalam pendidikan asnaf dan sumbangannya terhadap pembangunan ummah. *Prosiding PERKEM*, 9, 208–215.
- Suhaila, N., Nur Shakina & Nuzul Akhtar, B. (2018). Kecenderungan pelajar asnaf menceburi bidang keusahawanan. *Jurnal Manajemen Malaysia*, 33, 65–73.
- Taha, H., Rahman, M. A., & Salleh, S. (2022). *Personality traits and interest influencing students' choice of technical fields in vocational education*. *International Journal of Vocational and Technical Education*, 14(1), 16–25.
- Warman, I., Sharifah Saadiah, S. A. & Rashidah, H. (2010). *Peranan sokongan sosial dalam pemilihan kerjaya pelajar*. *Jurnal Sains Sosial*, 15(3), 88–95.
- Wong, K. Y., & Atan, N. A. (2021). *Influence of parental, teacher and peer support on students' attitude towards TVET*. *Asian Journal of Education and Social Studies*, 24(4), 19–28.